

18/08/2004

Model kedua Naza keluar akhir tahun

By Azli Ayob

NAZA Automotive Manufacturing Sdn Bhd (NAM), akan memulakan pengeluaran model kedua kenderaan jenama Naza di kompleks kilangnya di Gurun, Kedah akhir tahun ini.

Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat Naza, Tan Sri SM Nasimuddin SM Amin, berkata ketika ini model kenderaan baru itu sudah dibangunkan dan dikenali dengan kod NC04.

Katanya, pengeluaran kenderaan jenama Naza kedua itu susulan kejayaan kenderaan pelbagai guna (MPV) nasional pertama, Naza Ria yang dilancarkan September 2003.

"Sebelum akhir tahun ini, kita menjangka sebuah lagi model kenderaan jenama Naza akan dikeluarkan di kilang ini dan reka bentuknya sudah pun disiapkan.

"Tugas mereka bentuk dibuat oleh kakitangan NAM dengan dibantu firma reka bentuk dari Korea Selatan dan Kia Motors Corporation (KMC), membabitkan pelaburan RM15 juta," katanya.

Berucap pada majlis perasmian kilang NAM di Gurun, Kedah, semalam, Nasimuddin bagaimanapun tidak mendedahkan nama dan jenis kenderaan berkenaan.

Majlis perasmian itu disempurnakan Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop yang mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Hadir sama Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pada majlis itu juga, NAM yang diwakili Nasimuddin turut memeterai perjanjian usaha sama teknikal bagi projek NC04 dengan KMC yang diwakili Naib Presiden Eksekutifnya, JM Park.

Nasimuddin berkata, sejak Naza Ria dilancarkan pada September tahun lalu, ia sudah menguasai 80 peratus daripada segmen pasaran MPV di negara ini.

"Naza Ria sudah berjaya di pasaran dan kami yakin NC04 akan mengulangi kejayaan Naza Ria," katanya.

Beliau menjelaskan, Naza Ria yang mula dikeluarkan di kilang NAM pada 1 Ogos lalu kini sudah mencapai tahap 40 peratus kandungan tempatan dan ia dijangka mencapai 70 peratus menjelang 2006.

Nasimuddin berkata, NAM akan menambah pelaburan RM500 juta lagi mulai tahun depan sehingga 2007 bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran daripada 50,000 unit setahun ketika ini.

"Pelaburan tambahan itu juga bagi tujuan penambahan peralatan, penubuhan pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta untuk meningkatkan tahap kemahiran pekerja," katanya.

Beliau berkata, NAM yang diberikan status pengeluar MPV nasional setakat ini sudah melabur RM300 juta bagi penubuhan kilang itu yang dimulakan pada 13 September 2002.

Katanya, penubuhan kilang di Gurun, Kedah itu juga bertujuan menggalakkan pertumbuhan vendor tempatan bagi mengeluarkan komponen automotif di kawasan perindustrian Gurun.

"Setakat ini, 10 kilang vendor peringkat pertama sedang dibangunkan berdekatan kilang NAM membabitkan pelaburan kira-kira RM250 juta," katanya.

(END)